

Nilai taksiran pada asasnya adalah nilai pasaran ataupun sewa pasaran bagi harta tanah berkenaan pada tarikh senarai nilaian. Kadar yang berasaskan nilai pasaran dikenali sebagai nilai tambah. Ini hanya dikuatkuasakan di Negeri Johor sahaja. Negeri-negeri lain di Malaysia menggunakan sewa pasaran sebagai asas nilaian yang lebih dikenali sebagai nilai tahunan (Mani, 1986). Hasil daripada anggaran nilai tambah atau nilai tahunan ini dikenali sebagai nilai taksiran yang menjadi asas kepada kadaran. Kajian ini memfokuskan perbincangan kepada penjanaan nilai taksiran untuk tujuan kadaran berasaskan nilai tambah.

Sistem kadaran di Malaysia adalah masih pada tahap tradisional khususnya yang berkaitan dengan proses penilaian pegangan berkadar untuk menjana nilai taksiran. Kaedah penilaian yang diguna pakai untuk membuat anggaran nilai taksiran adalah kaedah tradisional seperti perbandingan, kos dan keuntungan yang hanya sesuai untuk penilaian bagi satu kepentingan harta tanah yang juga dikenali sebagai penilaian tunggal (*single valuation*). Negara-negara maju seperti USA dan Australia telah lama menggunakan sistem penilaian massa (*mass appraisal*) yang memerlukan pembentukan model statistikal (Eckert, 1990) bagi tujuan cukai harta di dalam kawasan PBT.

Perbandingan merupakan asas kepada kaedah penilaian tradisional. Kelemahan wujud dalam penilaian tunggal dari aspek pelarasannya perbandingan yang dibuat secara manual. Penilai hanya mampu untuk menganalisis perbandingan yang hampir sama dan yang berada berhampiran dengan lot subjek nilaian. Selain itu bilangan perbandingan yang mampu untuk dianalisis juga terhad. Ini menyebabkan gambaran pasaran tidak dapat dilihat secara terperinci khususnya di peringkat global bagi seluruh kawasan nilaian. Untuk mengatasi masalah ini, reka bentuk dan pembangunan model penilaian massa adalah dicadangkan untuk menggantikan sistem penilaian tunggal (Eckert, 1990).

Penilaian massa adalah kaedah sistematik untuk menganggarkan nilai pada skala dan skop yang lebih besar berbanding dengan penilaian tunggal (IAAO, 1978). Anstett (2006) menerangkan proses penilaian massa melibatkan penilaian sistematik bagi kumpulan harta tanah pada satu tarikh senarai nilaian menggunakan kaedah-kaedah piawai (*standard*) dan mengandungi ujian statistik.

Sistem penilaian massa dibahagikan kepada empat komponen utama iaitu pengurusan data, proses penilaian, analisis keupayaan dan pentadbiran cukai. Pengurusan data melibatkan pangkalan data atribut dan analisis data spatial yang berkaitan harta tanah bercukai. Proses penilaian melibatkan reka bentuk pangkalan data dan pembentukan model penilaian massa supaya nilai taksiran yang tepat boleh dibuat secara serentak. Ketepatan nilai taksiran ini diukur keupayaannya dari aspek keadilan (*equity*) dan keseragaman (*uniformity*). Nilai taksiran dijadikan asas kepada cukai harta dalam komponen pentadbiran cukai.

Guna pakai sistem maklumat geografi (GIS) dalam penilaian massa telah membantu menghasilkan nilai taksiran yang tepat. GIS secara ringkas didefinisikan sebagai satu sistem berkomputer yang mempunyai integrasi perkakasan, perisian pengurusan, analisis dan persembahan data terutamanya dalam kes yang melibatkan data spatial yang mempunyai georujukan (Norkhair dan Zulkifli, 2002).

Keunggulan fungsi GIS adalah berkaitan dengan pengurusan, analisis dan persembahan data spatial yang berupaya memberikan gambaran dunia sebenar (ESRI, 2004). Aplikasi GIS dalam penilaian harta tanah telah dijalankan oleh penyelidik lepas khususnya di USA, UK dan Australia. Antara kajian yang telah dijalankan di USA adalah berkenaan integrasi CAMA (*Computer Assisted Mass Appraisal*) dan GIS (Hardester, 2002); (Eichenbaum, 2002); (Ward *et al.*, 1999); (Cowen, 1997); (Longley *et al.*, 1994); dan (Rosiers, 1992). Di UK pula kajian aplikasi CAMA dan GIS telah dijalankan oleh penyelidik seperti (Deddis dan McCluskey, 2002); (Ralphs, 1998); dan (McCluskey *et al.*, 1997). Di Australia pula kajian aplikasi GIS dan penilaian harta tanah bermula sekitar tahun 1990an (Bannerman, 1993).

Di dalam kajian ini, GIS digunakan untuk menghasilkan variabel / pembolehubah komponen lokasi bagi pembentukan model penilaian massa. Data spatial dimasukkan ke dalam pangkalan data GIS dan dianalisa menggunakan teknik analisis spatial seperti penimbal (*buffer*), pertindihan (*overlay*) dan rangkaian (*network*) untuk menjana variabel komponen lokasi yang mempengaruhi nilai taksiran pegangan berkadar. Variabel-variabel yang terhasil tersebut dimasukkan ke dalam model penilaian massa yang dibentuk untuk menjana nilai taksiran.

Ketepatan nilai taksiran dari aspek keadilan dan keseragaman diukur menggunakan teknik kajian nisbah. Uji pakai model penilaian massa ke dalam automasi penilaian kadar adalah berasaskan kepada nilai taksiran yang dihasilkan oleh model yang paling tepat dan sesuai.

Ringkasnya, guna pakai GIS dalam model penilaian massa adalah dari aspek penyediaan pangkalan data spatial dan penggunaan fungsi analisis spatial GIS untuk membantu penjanaan variabel komponen lokasi secara lebih objektif.

1.2 Isu dan Penyataan Masalah

Kajian ini mengandungi tiga isu yang mengarah kepada sumbangan ilmiah dan amalan dalam bidang penilaian kadar di Malaysia. Pertama, penjanaan variabel komponen lokasi secara subjektif dapat diatasi dengan penggunaan analisis spatial GIS untuk mendapatkan variabel yang lebih objektif. Isunya mengenai pengenalpastian dan penentuan variabel komponen lokasi yang signifikan untuk digunakan di dalam model penilaian massa.

Kedua, pembentukan model penilaian massa menghasilkan nilai taksiran yang lebih tepat berbanding penilaian tunggal dengan kaedah tradisional. Terdapat empat model yang dikaji iaitu kuasa dua terkecil (*Ordinary Least Square - OLS*), hedonik spatial (*Spatial Hedonic Model - SHM*), regresi berpemberat geografikal (*Geographically Weighted Regression - GWR*) dan Kriging. Pengukuran ketepatan model-model tersebut dibuat menggunakan ujian statistik secara berasingan. Tiada kajian perbandingan pernah dilaksanakan untuk keempat-empat model tersebut.

Ketiga adalah pengukuran keadilan dan keseragaman nilai taksiran dan pemilihan model yang sesuai untuk diuji pakai dalam sistem automasi penilaian kadar di PBT. Model yang menghasilkan nilai taksiran yang adil dan seragam ini pula tidak semestinya sesuai untuk dilaksanakan dalam proses kalibrasi. Oleh itu, perbandingan dan pemilihan model yang sesuai perlu dilakukan dalam proses uji pakai sistem. Isunya adalah berkaitan perbandingan model dalam kajian nisbah dan

pemilihan model yang sesuai untuk digunakan dalam uji pakai sistem automasi penilaian kadaran. Penulisan dalam kajian ini tidak memberi penekanan kepada pembangunan sistem automasi penilaian kadaran kerana sistem ini telah sedia diguna pakai. Perbincangan uji pakai sistem adalah tertumpu kepada guna pakai model ke dalam sistem tersebut.

Perbincangan lanjut mengenai isu pertama adalah berkaitan penjanaan variabel komponen lokasi. Lokasi merupakan faktor penting dalam mempengaruhi nilai taksiran (Can dan Megbolugbe, 1997; Fletcher *et al.*, 2000; dan Orford, 2000). Boyce (1984) dan Pearson (1991) menekankan bahawa nilai dipengaruhi oleh lokasi, lokasi dan lokasi. Ini menunjukkan faktor lokasi mempunyai paradigma yang sangat luas pengertiannya. Faktor lokasi boleh dipecahkan kepada beberapa komponen seperti kejiranan dan kedekatan (Gallimore *et al.*, 1996); status sosio-ekonomi dan gunatanah (Price, 2002); kebolehsampaian dan jarak (Burridge, 2003); ameniti dan fasiliti (Boyce, 1984).

Dalam kaedah tradisional, proses penilaian adalah bersifat subjektif terutama dari aspek pelarasan faktor lokasi (Smith, 1986; Ismail, 1997; Din *et al.*, 2001; Kummerow, 2003). Ia tidak menyediakan gambaran yang jelas bagaimana pemilihan harta tanah perbandingan dibuat, andaian-andaian yang digunakan, penentuan kadar peratusan pelarasan dan yang paling penting sejauh mana kredibiliti analisis penilaian yang dilakukan (Robbins, 2001). Tambahan pula, elemen subjektif digunakan terhadap variabel yang bersifat kualitatif seperti lokasi, kualiti kejiranan, jarak ke pusat bandar dan sebagainya (Bender *et al.*, 2001; Din *et al.*, 2001).

Wyatt (1997) menegaskan, faktor lokasi mempunyai unsur elemen spatial yang boleh diukur secara kuantitatif menggunakan sistem maklumat geografi (GIS). Didalam amalan profesional, penilai mengukur elemen spatial secara kualitatif iaitu menggunakan pelarasan ringgit ataupun peratusan bagi menganggarkan nilai yang berkaitan lokasi (Ghani, 2004). Justeru itu, pertimbangan harus diberikan kepada pengukuran elemen spatial secara kuantitatif. Salah satu alat yang sesuai untuk tujuan pengukuran tersebut adalah analisis spatial yang terdapat dalam fungsi GIS (Suriatini, 2005). GIS mempunyai kelebihan untuk integrasi data dan analisis spatial (Hamid, 2002). Memandangkan harta tanah bersifat tetap dari aspek geografi (Belsky

et al., 1998), maka penggunaan data spatial bagi tujuan penilaian kadaran adalah diperlukan seperti peta dan atribut yang berkaitan lokasi.

Analisis spatial yang terdapat dalam GIS berfungsi untuk mengukur elemen spatial bagi komponen lokasi secara kuantitatif. Des Rosiers *et al.*, (2001) menggunakan analisa rangkaian untuk mengukur jarak antara rumah kediaman dan pusat yang mempengaruhi nilai (VIC – *value influence centre*) mengikut laluan jaringan jalan raya berbanding ukuran garis lurus. Ia juga boleh mengukur jarak tersebut berdasarkan kepada masa perjalanan melalui rangkaian pengangkutan. Ketersediaan data spatial dan pengukuran elemen spatial menambahkan lagi kefahaman mengenai atribut lokasi dan menghasilkan nilai taksiran yang lebih tepat (Fortheringham dan Rogerson, 1994). GIS adalah sesuai dalam penilaian massa kerana kemampuannya dalam analisis spatial dan pangkalan data (Almond *et al.*, 1997). Ketersediaan data yang banyak dalam pangkalan data membolehkan penggunaan teknik kuantitatif dan analisis spatial (Mattson-Teig, 2000).

Di Malaysia, usaha untuk memperkenalkan GIS dalam bidang harta tanah masih di peringkat awalan. Dalam bidang penilaian kadaran, penggunaan GIS terhad pada fungsi paparan sahaja (Ibrahim, 2003). Ringkasnya, analisis spatial GIS merupakan alat yang sesuai untuk membantu penjanaan variabel komponen lokasi secara kuantitatif. Jurangnya ialah teknik ini masih belum diaplikasi secara meluas dalam penilaian kadaran di Malaysia.

Perbincangan kedua adalah berkaitan pembentukan model penilaian massa yang berupaya menghasilkan nilai taksiran yang tepat bagi tujuan kadaran. Model penilaian massa bersifat kuantitatif iaitu berasaskan kepada kaedah statistik yang lebih sistematik dan objektif (Mc Cluskey *et al.*, 1997). Penilaian tunggal secara tradisional khususnya kaedah perbandingan yang digunakan untuk menjana nilai taksiran adalah bersifat subjektif apabila melibatkan pelarasan nilai (Borst, 2006). Nilai taksiran dianggap tepat bagi pegangan harta bercukai yang mempunyai transaksi harga pasaran pada tarikh senarai nilaian. Pelarasan nilai menyumbang kepada nilai taksiran yang tidak tepat. Oleh itu, guna pakai model penilaian massa dalam penilaian kadaran merupakan kaedah alternatif untuk menghasilkan keadilan dan keseragaman nilai taksiran.

Berdasarkan kepada tinjauan literatur, terdapat beberapa model penilaian massa yang telah dibangunkan oleh penyelidik harta tanah seperti analisis perbandingan, analisis regresi khususnya *ordinary least square* (OLS), *artificial intelligence*, *neural network*, interpolasi spatial, dan *geographically weighted regression* (GWR).

Model analisis perbandingan harga jualan dengan teknik *mahanobis distance* digunakan sekiranya perbandingan yang serupa terletak di dalam lingkungan jarak yang munasabah dengan harta nilaian (Borst, 1996; dan Fraser, 1988). Model *adaptive estimation procedure* (AEP) telah dibangunkan oleh Carbone dan Longini (1977). Model ini menggabungkan variabel kuantitatif dan kualitatif dalam analisis perbandingan harga jualan. Namun model analisis perbandingan ini dianggap lemah kerana tidak mengambil kira elemen spatial yang berkaitan dengan komponen lokasi secara nyata (Wyatt and Ralphs, 2005).

Model analisis regresi khususnya model *ordinary least square* (OLS) telah digunakan secara meluas dalam penilaian massa di USA dan Australia (Mark dan Goldberg, 1988; Murphy, 1999; Ambrose, 1990; Echriback, 1993; Ramsland dan Markham, 1998; Panayiotou, 1999; dan Isakson, 2001). Ia berkemampuan untuk menerangkan faktor nilai dan menjana nilai taksiran secara objektif (Brown, 1974; Gloudemans dan Miller, 1978; Cannaday, 1989; McCluskey, 1997; dan Almy *et al.*, 1997). Regresi umumnya adalah model hedonik yang mengagihkan nilai mengikut faktor-faktor yang mempengaruhinya seperti fizikal, lokasi dan ekonomi ke dalam satu persamaan matematik bagi membentuk model penilaian massa yang melambangkan pasaran. OLS merupakan model yang kerap digunakan dalam penilaian massa kerana reka bentuk, pembangunan model dan tafsiran hasilan adalah mudah (Helen, *et al.*, 2007).

Terdapat juga model *artificial intelligence* yang melibatkan sistem pakar (*expert systems*) yang diadaptasi dalam penilaian kadaran (Scott, 1988; Barletta, 1991; O'Roarty, 1996; dan Hadi *et al.*, 1997). Sistem pakar pada umumnya mengandungi tiga komponen iaitu antaramuka pengguna (*user interface*), enjin pendapat pakar (*inference engine*) dan pengetahuan pakar (*knowledge base*). *User interface* membolehkan pengguna berinteraksi dengan sistem. *Inference engine*

mengandungi logik dan sebab (*reasoning*) manakala *knowledge base* mengandungi data. Proses bermula dengan pengguna mengemukakan persoalan '*if/then*' dalam *user interface* dan seterusnya *inference engine* akan mencari jawapan berdasarkan kepada *knowledge base*. Akhirnya berdasarkan maklumat tersebut, pengguna akan membuat keputusan. Masalah yang mungkin timbul dalam teknik ini adalah perubahan perlu dilakukan kepada *engine* dan *knowledge base* selaras dengan perubahan pasaran harta yang dinamik. Oleh itu, sistem ini dianggap lambat (*time consuming*) dan sukar untuk mendapatkan pendapat pakar secara berterusan (Wyatt, 1996).

Terdapat juga beberapa kajian aplikasi *artificial neural network* (ANN) dalam penilaian harta tanah (Ghani, 2006; Borst, 1995; Tay dan Ho, 1995; McCluskey, 1996). ANN adalah kaedah *non-linear* yang mempunyai hubungan antara set data input dan output secara berulangan. Kelemahan ANN adalah sukar untuk difahami dan diterangkan secara konsepsual. Ia tidak menjelaskan bagaimana sesuatu keputusan dibuat seperti fungsi lapisan tersembunyi (*hidden layer*). Ia hanya membuat beberapa percubaan ulangan (*iteration*) bagi mendapatkan model yang terbaik (*best fit*). Akibatnya perubahan yang sedikit pun akan menghasilkan output yang berbeza dan proses percubaan (*run*) yang tidak konsisten. Penggunaan perisian yang berbeza boleh menyebabkan hasilan (*output*) yang berlainan. Justeru itu, model ini dianggap tidak sesuai untuk diaplikasi bagi pembentukan model penilaian massa.

Fotheringham *et al.*, (2000) telah memperkenalkan model GWR dalam penilaian massa. GWR adalah satu teknik untuk analisis data spatial dengan meletakkan koordinat lokasi (X,Y) kepada setiap parameter (variabel dependen dan independen) yang terdapat dalam model OLS. Koordinat ini dianggap sebagai pemberat bagi menunjukkan lokal variasi. Hasilan yang diperolehi melalui GWR dikatakan lebih tepat berbanding OLS (Brunsdon *et al.*, 1999; Fotheringham *et al.*, 2000; Laffan, 2000; dan Huang *et al.*, 2002).

Interpolasi spatial juga boleh digunakan dalam menjana nilai harta tanah (Nasir, 1999; dan Chin, 2005). Interpolasi merupakan satu prosidur untuk membuat jangkaan nilai (Z) harta tanah bagi titik koordinat (X,Y) yang tidak mempunyai transaksi jualbeli berdasarkan kepada transaksi jualbeli pada titik sampel nilai.

Rasional di sebalik konsep ini adalah, secara umum, titik yang berada berdekatan di antara satu sama lain mempunyai atribut dan nilai yang hampir sama (Tobler, 1979). Nasir (1999) menggunakan teknik OLS dan interpolasi kriging untuk membuat jangkaan nilai harta tanah di New Castle, UK. Statistik PRESS digunakan untuk membandingkan hasilan model OLS dan Kriging. Hasil pengukuran dari sudut statistik PRESS mendapatkan model OLS adalah lebih tepat berbanding model Kriging. Walau bagaimanapun model Kriging dianggap lebih menggambarkan pasaran sebenar kerana jangkaan nilai minimum adalah positif dan nilai min lebih hampir dengan min harga pasaran berbanding model OLS yang menghasilkan jangkaan nilai minimum yang negatif dan nilai min yang lebih besar. Justeru itu, model Kriging masih dianggap berpotensi untuk digunakan dalam model penilaian massa.

Chin (2005) mengaplikasi teknik interpolasi ke atas nilai lokasi harta tanah dengan menjana peta permukaan nilai bagi setiap lot harta tanah. Interpolasi model *inverse distance weighted* (IDW) dan model Kriging telah dibangunkan menggunakan perisian ArcGIS 9.0. Hasil kajian tersebut mendapatkan hasilan bagi Kriging adalah lebih tepat berbanding IDW. Ini menunjukkan Kriging juga sesuai untuk pembentukan model penilaian massa.

Guna pakai GIS didalam bidang harta tanah telah membantu menghasilkan proses penilaian kadar yang lebih objektif melalui pembangunan model penilaian massa berasaskan teknik statistik khususnya OLS (Wyatt, 1995). Integrasi GIS didalam model OLS merupakan tambah baik yang berfungsi untuk paparan dan analisis lokasi (Ishizuka, 1995; Gallimore, 1996; Wyatt, 1996; McCluskey, 1997; dan Yu 2000). Integrasi GIS dan OLS didalam model penilaian massa telah menghasilkan nilai taksiran yang lebih tepat dari aspek statistikal (Ibrahim, 1995).

Suriatini (2005) telah mereka bentuk model hedonik spatial (SHM - *Spatial Hedonic Model*) iaitu tambah baik model OLS dengan mengambil kira elemen spatial secara kuantitatif menggunakan analisis spatial GIS dan ekonometrik spatial. Model SHM ini dapat mengurangkan masalah spatial autokorelasi yang wujud dalam model OLS. Beliau mendapatkan hasil model SHM adalah lebih tepat berbanding model regresi tradisional.

Rumusan bagi isu kedua adalah berkaitan pembentukan model massa berasaskan teknik-teknik yang telah dibincangkan. Hasil daripada ulasan literatur, terdapat empat model yang sesuai digunakan dalam penilaian massa iaitu OLS, SHM, GWR, dan Kriging. Model ini juga berkemampuan untuk integrasi dengan analisis spatial GIS. Model-model yang bersifat objektif ini menghasilkan nilai taksiran yang tepat.

Perbincangan ketiga adalah berkaitan dengan pengukuran keupayaan model penilaian massa untuk menghasilkan keadilan dan keseragaman nilai taksiran yang menjadi asas cukai harta. Pengukuran keupayaan ini adalah bergantung kepada matlamat reka bentuk dan pembangunan model penilaian massa. Matlamat utama pembangunan model penilaian massa bagi tujuan kadaran adalah untuk menghasilkan nilai taksiran yang lebih tepat (Eckert, 1990) melalui proses penilaian yang lebih objektif (Kummerow, 2003) di samping mudah dan cepat (Ghani, 2004). Nilai taksiran yang mempunyai nisbah yang sama dengan harga pasaran adalah dianggap tepat (IAAO, 1990). Keupayaan ketepatan nilai taksiran ini diukur dari aspek keadilan (*equity*) dan keseragaman (*uniformity*) menggunakan teknik kajian nisbah (*ratio study*) iaitu nilai nisbah antara nilai taksiran dan harga pasaran (IAAO, 1990; Birch, 1992; Sirmans *et al.*, 2008; dan Smith, 2008).

Keadilan (*equity*) merujuk kepada nisbah antara nilai taksiran dengan nilai pasaran bagi setiap pegangan berkadar di dalam kawasan PBT (IAAO, 1990). Nisbah ini dilihat secara keseluruhan (*overall*) tanpa mengambil kira kumpulan sub pasaran. Nisbah yang tepat adalah 1.0 iaitu pegangan berkadar dinilai sama paras dengan harga pasaran (Smith, 2008). Namun keadaan ini jarang berlaku kerana sifat harta tanah yang homogen dan kitaran pasaran yang tidak tetap. Nisbah yang dianggap adil adalah antara 0.9 hingga 1.1 (IAAO 1990; dan Sirmans *et al.*, 2008). Pegangan berkadar yang mempunyai nisbah di bawah paras 0.9 adalah dianggap terkurang nilai (*under value*). Nisbah melebihi 1.1 pula dikatakan terlebih nilai (*over value*).

Keseragaman (*uniformity*) menunjukkan kajian nisbah mengikut kumpulan sub pasaran harta tanah (IAAO, 1990). Pengukuran keseragaman dilaksanakan secara horizontal dan vertikal. Keseragaman horizontal dibuat mengikut kategori

seperti jenis rupa cara harta dan sempadan kawasan dalam PBT. Keseragaman horizontal menunjukkan nilai nisbah antara sub-pasaran adalah pada paras yang sama. Keseragaman vertikal pula menunjukkan nilai nisbah antara pegangan harga mahal dan pegangan harga murah adalah pada paras yang sama.

Di negara yang menggunakan cukai harta sebagai sumber pendapatan PBT seperti Amerika dan Australia, pengukuran ketepatan nilai taksiran menggunakan kajian nisbah adalah perkara yang perlu dilaksanakan sebelum nilai taksiran tersebut diguna pakai sebagai asas kadar kepada pembayar cukai. Melalui konsep ini, PBT sebagai pemungut cukai akan berlaku adil kepada semua pembayar cukai dan komuniti selaku pembayar cukai pula tidak akan membayar lebih daripada apa yang sepatutnya perlu dibayar.

Ringkasan isu ketiga adalah berkaitan dengan penggunaan kajian nisbah sebagai alat untuk mengukur keupayaan model-model penilaian massa iaitu OLS, SHM, GWR dan Kriging. Nilai taksiran sedia ada (PAS – penilaian am semula) juga dimasukkan dalam proses ukuran kajian nisbah. PAS diperolehi dari kerja penyemakan semula senarai nilaiann bagi tahun 2006 di kawasan kajian. Perbandingan yang dibuat terhadap empat model tersebut merupakan kajian ulung bagi tujuan penyelidikan khususnya penyelidik di Malaysia. Kajian literatur menunjukkan kebanyakkan penyelidik membandingkan dua model sahaja seperti Chin (2005) - OLS dan Kriging; Suriatini (2005) – OLS dan SHM; Ghani (2004) – OLS dan ANN; Ibrahim (2006) – OLS dan GWR; Nasir (1999) – OLS dan Kriging. Mereka juga tidak menggunakan kajian nisbah sebagai asas perbandingan kerana nilai taksiran tidak diukur dari aspek keadilan dan keseragaman. Justeru itu, kajian ini membuat perbandingan terhadap empat model tersebut dan menggunakan kajian nisbah untuk mengukur keadilan dan keseragaman nilai taksiran yang dihasilkan model penilaian massa. Persoalannya, sejauh mana kajian nisbah ini boleh diguna pakai dalam penilaian kadaran di Malaysia khususnya pengukuran keupayaan model penilaian massa yang mampu menghasilkan keadilan dan keseragaman nilai taksiran.

Isu ketiga juga menerangkan guna pakai sistem automasi penilaian kadaran (AVS – *Automated Valuation System*) sebagai sebahagian proses kalibrasi penilaian massa. Nilai taksiran yang sesuai dipilih dari empat model tersebut untuk diuji pakai

dalam sistem automasi penilaian kadaran yang terdapat di PBT.

AVS adalah sistem penilaian massa yang direka bentuk dan dibangunkan menggunakan teknologi komputer berdasarkan model statistik yang berbentuk kuantitatif dan bersifat objektif (Shi Ming Yu dan Ann Basuki, 2002). AVS berasaskan model penilaian massa dikatakan lebih sistematik kerana penggunaan prosidur yang piawai dan ujian statistik yang objektif, berbanding pendapat penilai pakar yang mempunyai elemen subjektif (Waller, 1999).

Perkembangan pesat teknologi komputer dan sistem maklumat telah membantu pembangunan AVS (Roulac, 1996; Thrall, 1998; Detweiler dan Radigan, 1999). AVS telah banyak diaplikasikan di seluruh dunia seperti Amerika (Eckert, 1990); Hong Kong (Stevenson, 1997); Ireland (Dyson, 1997); Sweeden (Sundquist, 1997); Australia (Kirby, 1997); New Zealand (Pegler, 1997); Tasmania (Thomas, 1997); Netherlands (Have, 1997); British Columbia (Pearce 1997) dan Singapura (Leng, 1997).

Di Malaysia, aplikasi AVS di PBT masih diperingkat permulaan (Dzurlkarnain, 2006). Penyelidikan aplikasi AVS telah dijalankan oleh Ibrahim (2005) bagi Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) dan Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP). Dzurlkarnain (2004) pula membuat penyelidikan aplikasi AVS yang dikenali sebagai CAMA (*Computer Assisted Mass Appraisal*) bagi Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dan Majlis Perbandaran Segamat (MPS).

Sebagai rumusan kepada ketiga-tiga isu di atas, maka beberapa permasalahan dan persoalan yang dikaji dalam kajian ini adalah seperti berikut;

- i. Apakah variabel-variabel komponen lokasi yang sesuai untuk dimasukkan didalam model penilaian massa?
- ii. Bagaimanakah analisis spatial GIS dapat membantu penjanaan variabel-variabel komponen lokasi dengan lebih objektif?
- iii. Apakah model yang sesuai untuk digunakan bagi pembentukan model penilaian massa?
- iv. Bagaimana untuk mengukur keupayaan nilai taksiran dari aspek keadilan dan

- v. Adakah model yang menghasilkan nilai taksiran tersebut sesuai untuk diuji pakai dalam sistem automasi penilaian kadaran?

1.3 Matlamat dan Objektif Kajian

Secara umum, matlamat utama kajian ini adalah pembentukan model penilaian massa berbantuan analisis spatial dan sistem maklumat geografi bagi menghasilkan keadilan dan keseragaman nilai taksiran serta sesuai untuk diuji pakai dalam sistem automasi penilaian kadaran. Bagi mencapai matlamat tersebut maka beberapa objektif kajian telah ditetapkan iaitu;

- i. untuk menjana variabel komponen lokasi berbantuan analisis spatial dan sistem maklumat geografi
- ii. untuk membentuk model penilaian massa dengan memberi penekanan terhadap komponen lokasi bagi menghasilkan nilai taksiran
- iii. untuk mengukur keupayaan model penilaian massa berasaskan keadilan dan keseragaman nilai taksiran serta uji pakai model dalam sistem automasi penilaian kadaran

1.4 Skop Kajian

Analisis spatial GIS yang digunakan untuk menjana variabel komponen lokasi adalah penimbang, pertindihan dan rangkaian. Model yang digunakan untuk menjana nilai taksiran adalah model OLS, SHM, GWR dan Kriging kerana kesesuaianya bagi pembentukan model penilaian massa. Kajian nisbah digunakan sebagai alat untuk menilai keupayaan model-model yang telah dibangunkan.

Nilai taksiran hanya tertumpu kepada nilai tambah yang dikuatkuasakan dalam penilaian kadaran di PBT Negeri Johor. Nilai tambah mempunyai dua komponen utama iaitu kos bangunan dan nilai tanah. Kos bangunan diperolehi daripada kaedah kos. Nilai tanah dijana menggunakan model penilaian massa iaitu model OLS, SHM, GWR dan Kriging.

PBT di Negeri Johor terdiri dari majlis bandaraya (MB iaitu MB Johor Bahru), majlis perbandaran (MP seperti MP Johor Bahru Tengah, MP Kulai, MP Batu Pahat, MP Kluang, MP Segamat, dan MP Muar), dan majlis daerah (MD seperti MD Yong Peng, MD Pontian, MD Kota Tinggi, MD Mersing, dan MD Tangkak). Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) dipilih sebagai kes kajian kerana kesediaan data atribut penilaian, data transaksi dan data spatial dalam bentuk yang boleh digunakan bagi pembentukan model penilaian massa. Penyelidik juga telah membangunkan sistem automasi penilaian kadaran di MPKu dan boleh digunakan untuk uji pakai model ke dalam sistem tersebut.

MPKu mempunyai keluasan 747 km persegi dengan jumlah pegangan harta bercukai dalam lingkungan 85,000 unit untuk kategori kediaman, perniagaan, industri dan tanah kosong. Sebanyak 65,000 unit pegangan (sekitar 75%) terletak dalam kawasan taman perumahan bercampur. Ia terdiri daripada 150 taman dengan komposisi 40% rumah kos rendah, 30% rumah kos sederhana, 20% rumah kos mewah dan 10% kedai. Sebahagian besar rumah kos sederhana adalah rumah teres satu tingkat (1T). Jenis ini dianggap sebagai kumpulan sub pasaran yang mempunyai bilangan yang paling banyak iaitu sekitar 25% daripada jumlah pegangan bercukai (lebih kurang 20,000 unit).

Data transaksi rumah kediaman di dalam kawasan MPKu diperolehi daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Negeri Johor dari tahun 2004 hingga 2006 adalah sebanyak 4,000 unit. Daripada jumlah itu, bilangan transaksi untuk rumah 1T adalah sebanyak 1,500 unit (sekitar 40%). Ini menunjukkan rumah 1T mempunyai pasaran yang aktif berbanding rumah jenis lain (Laporan Pasaran Harta, 2006). Komposisi rumah kos rendah adalah lebih tinggi berbanding rumah kos sederhana tetapi dari aspek pasaran, rumah kos sederhana adalah lebih aktif. Ini adalah kerana rumah kos rendah mempunyai sekatan pindahmilik. Harga bagi rumah

kos sederhana juga berada dalam kemampuan pembeli secara majoriti di kawasan MPKu. Justeru itu, rumah kediaman jenis teres satu tingkat (rumah 1T) dalam taman-taman perumahan di MPKu adalah sesuai untuk dijadikan data sampel kajian kerana ia mempunyai bilangan unit terbanyak dan transaksi yang aktif.

Tarikh senarai nilai yang dikuatkuasakan di Majlis Perbandaran Kulai adalah pada 1.1.1996 dan cadangan tarikh perlaksanaan nilai semula adalah pada 1.1.2006. Untuk kajian ini, tarikh nilai yang digunakan adalah pada 1.1.2006 kerana kesediaan data transaksi dan atribut harta tanah dalam bentuk digital. Kerja Penyemakan Semula Senarai Nilaian (juga dikenali sebagai Penilaian Am Semula – PAS) telah dilaksanakan syarikat penilai yang dilantik MPKu juga menggunakan tarikh 1.1.2006.

1.5 Kepentingan Kajian

Nilai taksiran yang tepat merupakan asas cukai harta bagi mengekalkan konsep keadilan dan keseragaman. Setiap pegangan bercukai hendaklah mempunyai nilai taksiran yang sama paras dengan harga pasaran. *Under value* menyumbang kepada kekurangan pendapatan PBT. *Over value* pula menjadi beban kepada pembayar cukai harta. Penemuan kajian ini merupakan sumbangan kepada penambahan ilmu khususnya dalam proses penilaian kadaran. Hasil penemuan kajian ini adalah signifikan dalam bidang-bidang berikut;

- 1) Penggunaan penilaian massa mendatangkan lebih banyak kebaikan berbanding penilaian tunggal dalam penilaian kadaran. Ini mendorong PBT untuk beralih paradigma kepada aplikasi model penilaian massa bagi tujuan penilaian kadaran.
- 2) Penjanaan variabel komponen lokasi berdasarkan analisis spatial GIS boleh mengurangkan elemen subjektif dalam pelarasannya perbandingan. Kajian ini memberi pendedahan kepada penilai berkaitan aplikasi GIS dalam penilaian kadaran.

- 3) Penggunaan model penilaian massa boleh menghasilkan nilai taksiran yang lebih tepat. Model-model ini mempunyai potensi untuk diaplikasi dalam penilaian kadarannya khususnya PBT di negeri Johor sebagai alternatif kepada kaedah perbandingan tradisional.
- 4) Tiada kajian pernah dijalankan berkaitan pengukuran ketepatan nilai taksiran bagi penilaian kadarannya di Malaysia. Kajian ini memberi gambaran kepada PBT dan pembayar cukai berkaitan keadilan dan keseragaman nilai taksiran. Teknik pengukuran ini boleh digunakan dalam penilaian kadarannya khususnya yang melibatkan kerja penilaian am semula.
- 5) Guna pakai model penilaian massa ke dalam sistem automasi penilaian kadarannya (AVS) bukan sahaja berupaya menjana keadilan dan keseragaman nilai taksiran, malah mampu mempermudah dan mempercepatkan proses penilaian kadarannya. Ini memberikan ruang kepada pembangun sistem untuk integrasi antara AVS dan model penilaian massa.
- 6) Para akademia bukan sahaja berfungsi sebagai tenaga pengajar, tetapi mereka juga terlibat dengan kerja penyelidikan, perundingan dan penerbitan. Sebahagian besar daripada metodologi dan hasil dalam tesis ini merupakan penemuan baru iaitu sebagai suatu unsur penambahan ilmu khususnya dalam bidang penilaian kadarannya dan aplikasi GIS. Tesis ini boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan ahli akademik dalam melaksanakan fungsinya bagi mencapai tahap kecemerlangan akademik bertaraf dunia.

1.6 Aliran Bab

Tesis ini mengandungi sembilan bab termasuk bab pengenalan. Ia mengandungi tiga bahagian utama. Bahagian pertama meliputi bab pertama, dua dan tiga. Bab pertama menerangkan latarbelakang kajian. Bab kedua pula membincangkan ulasan literatur yang berkaitan dengan kadarannya, komponen lokasi, model penilaian massa, analisis spatial dan GIS yang mempunyai hubungkait dengan